



**SEKOLAH KLUSTER KECEMERLANGAN
SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN BANDAR UTAMA DAMANSARA (3)
PERSIARAN BUKIT UTAMA
BANDAR UTAMA
47800 PETALING JAYA**

Tel : 03-77276166. Faks: 03-77267199

Rujukan kami: SMK BU(3)/PSS/2016 (03)

Tarikh : 23 April 2016

Kepada:

Semua ibu bapa/penjaga yang dihormati

Dato'/Datin/Tuan/Puan,

PROGRAM NILAM

Perkara di atas dirujuk.

2. Dengan segala hormatnya dimaklumkan kepada semua ibu bapa/penjaga bahawa 10 markah daripada bacaan program NILAM akan diambil kira di dalam setiap peperiksaan sekolah bagi mata pelajaran Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris.

3. Bilangan buku yang diambil kira sebagai markah dalam peperiksaan tersebut adalah sekurang-kurangnya 10 buah buku berbahasa Malaysia dan 10 buah buku berbahasa Inggeris untuk setiap peperiksaan.

4. Bagaimanapun bilangan buku yang dibaca sebenarnya tidak terhad kerana pelajar digalakkan untuk membaca dan merekodkan bacaan NILAM didalam buku rekod NILAM supaya pelajar dapat mencapai anugerah NILAM Peringkat Jauhari. Pelajar juga digalakkan untuk menjadi Rakan Pembaca NILAM. Pelajar yang aktif dalam NILAM dan memenuhi syarat yang ditetapkan juga layak mendapat markah bonus dalam ko-kurikulum.

5. Pihak sekolah berharap agar Dato/Datin/Tuan/Puan dapat memberi galakan kepada para pelajar untuk menambahkan bilangan buku yang dibaca.

6. Kerjasama yang diberikan oleh pihak Dato/Datin/Tuan/Puan amat kami harapkan dan didahului dengan ucapan terima kasih.

'NADI ILMU AMALAN MEMBACA'

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'

Yang menjalankan tugas:

.....

(PUAN ZURAIDAH BT ISMAIL)

Pengetua SMK Bandar Utama Damansara (3)

**INI CETAKAN KOMPUTER, TANDATANGAN TIDAK DIPERLUKAN